

Headline	Tekanan kos dorong penggabungan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	28 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	173,387
Page No	17	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	284 cm ²
Journalist	FADZIL ZAINOL	AdValue	RM 5,613
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,839



Tekanan kos dorong penggabungan

Oleh **FADZIL ZAINOL**
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 27 April - Kerisauan oleh syarikat-syarikat perkhidmatan sokongan sektor minyak dan gas (O&G) terhadap peningkatan kos operasi dan tenaga buruh, dilihat mampu membuatkan mereka mengambil langkah untuk melakukan pengambilalihan dan penggabungan (M&A) bagi terus kekal di dalam sektor itu.

Beberapa syarikat perkhidmatan itu ketika ini telah menyuarakan masalah mereka berhubung kekurangan tenaga kerja, sekali gus menyebabkan gaji yang terpaksa dibayar untuk mengekalkan tenaga kerja meningkat, khususnya tenaga kerja berkemahiran tinggi.

Syarikat-syarikat itu kini beranggapan gaya industri ketika ini lebih terarah kepada 'membeli' berbanding 'mencipta' tenaga kerja berkemahiran tinggi bagi keperluan masing-masing, jelas nota kajian MIDF Research di sini baru-baru ini.

"Menurut kajian industri yang dilaksanakan pada 2013, 68 peratus syarikat tersebut membeli tenaga

kerja yang diperlukan daripada syarikat lain. Disebabkan hal itu, kami percaya ini menjadi faktor yang kukuh untuk melihat lebih banyak M&A akan berlaku di dalam sektor O&G," menurut nota kajian tersebut.

Kajian oleh Deloitte Consulting pula menjangkakan aktiviti-aktiviti M&A yang akan berlaku tahun ini akan mencatatkan transaksi kira-kira RM8 billion.

Sebelum ini, Petrolia Nasional Bhd. menyatakan telah berlakunya

lebih penyedia kapal sokongan luar pesisir (OSV) di Semenanjung Malaysia, memandangkan kadar penyerataan penyedia-penyedia tempatan di dalam industri semakin bertambah.

Perkembangan itu menyaksikan kemerosotan caj penggunaan OSV sebanyak 15 peratus berbanding harga pasaran ekoran persaingan yang berlaku.

Bagaimanapun jelas MIDF Research, faktor-faktor keserasian perkhidmatan turut menjadi pendorong kepada M&A berbanding te-

kanan kos semata-mata.

Syarikat penyelidikan itu mengambil contoh penggabungan antara SapuraCrest Petroleum dan Kencana Petroleum yang bernilai RM12 billion. SapuraCrest Petroleum mempunyai

kepakaran dalam aspek pemasangan manakala Kencana Petroleum mempunyai kepakaran dalam aspek fabrikasi dan kejuruteraan.

Ini memandangkan beberapa syarikat penyedia perkhidmatan dimiliki atau mempunyai kepentingan saham oleh konglomerat tempatan atau syarikat milik kerajaan (GLC). Contohnya, Lembaga Tabung Haji yang mempunyai beberapa kepentingan di dalam syarikat penyedia seperti TH Heavy Engineering (THHE) dan Alam Maritim Resources.

Hal itu berkait rapat dengan usaha kerajaan bersama Petronas untuk menjadikan syarikat penyedia perkhidmatan O&G tempatan lebih kompetitif di peringkat antarabangsa termasuk melalui kaedah M&A.

SEKTOR minyak dan gas akan menyaksikan lebih banyak penggabungan dan pengambilalihan yang mencatatkan transaksi bernilai RM8 billion pada tahun ini.

- GAMBAR HIASAN

